



**JABATAN PENILAIAN DAN PERKHIDMATAN HARTA  
KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA**



**EMBARGO: Tidak dibenarkan untuk  
diterbitkan atau disiarkan sebelum 10.00  
pagi pada hari Rabu, 15 November 2024.**

**SIARAN MEDIA  
SIARAN PASARAN HARTA TANAH SUKU KETIGA TAHUN 2024**

**PASARAN HARTA TANAH SUKU KETIGA 2024 TERUS KUKUH**

---

**PUTRAJAYA, 15 November 2024** – Prestasi pasaran harta tanah Suku Ketiga 2024 (S3 2024) terus mengukuh. Bilangan dan nilai transaksi masing-masing berkembang 3.1% dan 0.3%, menokok kepada 112,305 transaksi bernilai RM57.31 bilion, berbanding 108,933 transaksi bernilai RM57.14 bilion pada Suku Ketiga 2023.

Ketua Pengarah Penilaian dan Perkhidmatan Harta, Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta, YBrs. Sr Abdul Razak Yusak, berkata prestasi pasaran harta tanah yang kukuh pada Suku Ketiga 2024 ini didorong oleh pertumbuhan positif bilangan transaksi harta tanah di semua subsektor dan prestasi memberangsangkan status pasaran harta tanah.

“Sokongan berterusan kerajaan dan pertumbuhan kukuh ekonomi Malaysia menyumbang impak yang signifikan prestasi aktiviti pasaran harta tanah Suku Ketiga 2024. Kerangka Ekonomi MADANI yang memberikan tumpuan kepada penstrukturan semula dan pembaharuan agenda ekonomi Malaysia serta pelaksanaan pelan dasar utama seperti Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 (NIMP 2030) telah mula menunjukkan keberhasilan positif dan menyokong transaksi sektor harta tanah industri. Sebagai salah satu enjin induk pertumbuhan ekonomi negara, pengukuhan industri harta tanah memberi keyakinan terhadap pertumbuhan kukuh pasaran harta tanah, sekaligus mencapai transformasi ekonomi negara” ulas beliau.

Intipati lain prestasi pasaran harta tanah Suku Ketiga 2024 adalah:

- Prestasi mengikut segi subsektor, **harta tanah industri** mencatat pertumbuhan aktiviti paling kukuh, merekodkan peningkatan masing-masing **13.6% dan 26.7% bilangan dan nilai transaksi**. Subsektor komersial mencatat bilangan transaksi kedua tertinggi (7.7%), diikuti kediaman (2.6%), tanah pembangunan dan lain-lain (2.2%) dan pertanian (0.4%). Dari segi nilai, semua subsektor merekodkan pertumbuhan positif, kecuali pertanian dan tanah pembangunan dan lain-lain.
- Prestasi **kediaman siap dibina tidak terjual (overhang)** turut memperlihatkan momentum yang **lebih memberangsangkan**. Unit siap dibina tidak terjual merekodkan **penurunan** kepada **21,968 unit bernilai RM13.85 bilion**, berbanding 22,642 unit bernilai RM14.24 bilion pada Suku Kedua 2024.
- Segmen **aktiviti pembinaan** bagi harta tanah kediaman sangat menggalakkan apabila peringkat **siap dibina, mula dibina dan penawaran baru dirancang** menunjukkan pertumbuhan **positif**, masing-masing **4.6%, 27.6%, dan 37.1%** berbanding tempoh yang sama tahun sebelumnya.
- Prestasi **penghunian kompleks perniagaan** merekodkan peningkatan marginal. Kadar penghunian kompleks perniagaan merekodkan **77.6%** berbanding 78.1% pada tempoh sebelumnya. Sebaliknya, kadar **penghunian pejabat binaan khas** milik persendirian mencatat **71.6%** sama seperti yang direkodkan pada tempoh sebelumnya
- **Data awalan Indeks Harga Rumah Malaysia (IHRM)** pada Suku Ketiga 2024 berada pada paras **220.2** mata (RM475,126 seunit) dengan pertumbuhan **tahunan pada kadar 0.4%**. Semua negeri merekodkan pertumbuhan marginal antara 0.3% hingga 5.5% kecuali Selangor, Negeri Sembilan, Perak dan juga Terengganu, menguncup antara 1.2% hingga 2.4%.

### **Pasaran Harta Tanah Meneruskan Momentum Pertumbuhan**

YBrs. Sr Abdul Razak berkata pasaran harta tanah meneruskan momentum pertumbuhan, disokong oleh prestasi transaksi yang positif di semua subsektor, pertumbuhan menggalakkan aktiviti pembinaan dan prestasi memberangsangkan status pasaran harta tanah walaupun berhadapan cabaran berterusan ekonomi global dan persekitaran luaran.

Kerajaan MADANI telah memperkenalkan beberapa inisiatif serta projek pemangkin untuk memacu ekonomi tempatan dan sekaligus merangsang pengembangan pasaran harta tanah.

Penambahbaikan fleksibiliti syarat-syarat permohonan bagi program *Malaysia My Second Home (MM2H)* terus menyokong transaksi harta tanah mewah tempatan. Tambahan lagi, projek pembangunan lain yang menyokong kerancakan pasaran harta tanah termasuk perkembangan positif pembangunan seperti projek Rapid Transit Link (RTS) di Johor, projek perindustrian utama di wilayah utara, projek Lebuhraya Pan Borneo di Sabah dan Sarawak dan Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL).

Untuk mendapatkan Laporan Pasaran Harta dan semua penerbitan lain, sila layari portal rasmi NAPIC di <https://napic2.jp-ph.gov.my>.

**Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC)**  
**Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH)**  
**Kementerian Kewangan Malaysia**  
**15 November 2024**